

04 SEP 1998

Zaharah-Anwar

SEMUA AHLI MT IKHLAS DALAM MEMBUAT KEPUTUSAN

BANDAR PERMAISURI, 4 Sept (Bernama) -- Ketua Pergerakan Wanita UMNO, Datuk Dr Siti Zaharah Sulaiman, berkata semua ahli Majlis Tertinggi (MT) parti itu yang bermesyuarat semalam ikhlas dan mengetepikan soal peribadi ketika membuat keputusan memecat Datuk Seri Anwar Ibrahim daripada parti.

"MT sebulat suara memberi sokongan kepada Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dan berdiri teguh di belakang beliau, demi menjaga kepentingan negara dan parti terutama dalam menghadapi kegawatan ekonomi sekarang," katanya kepada pemberita selepas menghadiri Kem Bina Semangat Wanita UMNO Terengganu di Peladang Setiu Resort, kira-kira 20 km dari sini.

Beliau berkata Anwar sendiri telah diberi peluang untuk membela diri dalam mesyuarat itu dan keputusan memecat beliau adalah sebagai usaha untuk membendung perkara yang timbul itu.

Ditanya mengenai pendirian Wanita, beliau berkata Wanita mengambil pendirian setiap pemimpin yang mempunyai masalah peribadi mesti melepaskan jawatan dalam parti dan tidak membabitkan masalah peribadi mereka dengan parti.

Siti Zaharah juga berkata keutamaan kepada negara dan parti lebih penting daripada kepentingan peribadi dan jika parti lemah ia akan memberi peluang kepada anasir-anasir lain untuk mempengaruhi keputusan parti.

Menurutnya, Wanita UMNO di peringkat pusat dan negeri akan bekerja keras untuk menerangkan perkara itu (pemecatan Anwar) dan masalah kegawatan ekonomi sekarang kepada ahli di peringkat umbi supaya tidak timbul sebarang kekecohan.

Menjawab soalan mengenai dakwaan Anwar bahawa berlaku ketidakadilan terhadap dirinya, Zaharah berkata "berilah kepercayaan kepada pihak polis untuk menjalankan tugas mereka dan biarlah proses undang-undang yang menentukan setiap tuduhan itu benar atau tidaknya".

Berhubung kemungkinan berlakunya perpecahan di kalangan ahli UMNO sendiri, beliau berkata tidak akan berlaku perpecahan dalam parti sekiranya semua pihak memahami bahawa keputusan sebulat suara MT itu mengambil-kira kepentingan negara.

Katanya, perkara seperti itu bukannya tidak pernah berlaku dalam UMNO tetapi mana-mana ahli yang didapati mempunyai masalah dan tidak dapat menumpukan tugasnya di dalam parti telah diambil tindakan.

"Keutamaan pada parti adalah penting, lebih-lebih lagi UMNO merupakan tulang belakang kepada Barisan Nasional, parti yang memerintah negara," katanya.

Lebih 300 ahli pergerakan itu dari seluruh Terengganu mengikuti kursus selama tiga hari itu.

-- BERNAMA

sbs oba